

12 JAN 2003
Tajol-Universiti
PERAK TAWAR DUA LAGI TAPAK UNTUK UNIVERSITI

KAMPAR, 12 Jan (Bernama) -- Kerajaan Perak sedia menyediakan dua lagi tapak bagi pembinaan universiti di negeri itu selepas menawarkan tanah seluas 520 hektar bagi pembinaan kampus utama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata dua tapak itu adalah bagi pembinaan sebuah universiti di Gopeng di kawasan seluas 280 hektar dan satu lagi bagi pembinaan Universiti Komanwel di tanah seluas 1,200 hektar di Tapah.

"Perak memang tidak mempunyai banyak kemudahan untuk menarik pelabur. Bagaimanapun, saya yakin dengan adanya tanah untuk pembinaan universiti ia boleh dijadikan cara untuk memajukan Perak," katanya pada majlis peletakan batu asas kampus utama UTAR yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Turut hadir ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan pemimpin-pemimpin tertinggi MCA. UTAR adalah milik parti itu.

"Saya yakin dengan pembinaan dua lagi universiti pada tahun 2010, Perak akan memiliki 100,000 orang warga terdiri pelajar universiti dan pada tahun 2020, Perak akan ada 200,000 pelajar universiti. Mereka semua akan menyumbang kepada negeri Perak," katanya.

Tajol Rosli berkata kerajaan negeri menawarkan tanah kepada MCA bagi pembinaan kampus utama UTAR sebagai membalas jasa masyarakat Cina di negeri itu yang sentiasa menyokong Barisan Nasional (BN).

Dr Ling, dalam ucapannya berkata, dalam tempoh yang tidak lama, Kampar akan menjadi bandar akademi terkenal dengan adanya dua kampus iaitu kampus utama UTAR dan juga kampus Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) cawangan Kampar bersebelahan kampus UTAR.

"Kampar dipilih sebagai tempat pembinaan kampus UTAR kerana lokasinya sesuai dan mempunyai "feng shui" yang sangat baik," katanya.

-- BERNAMA
KAY MAI